

*Tarikh Dibaca: 25 September 2015*

# KHUTBAH JUMAAAT

*Tajuk:*

***“ILTIZAM MEMARTABATKAN ISLAM”***

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsalan (Timbalan Pengerusi)  
**Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
**Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
**Majlis Agama Islam Selangor**
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
**Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## "ILTIZAM MEMARTABATKAN ISLAM"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلَّا إِسْلَامٌ وَمَا  
أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ  
الْعِلْمُ بَغِيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرْ بِإِيمَانِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ<sup>فَلَقَ</sup>

سَرِيعُ الْحِسَابٍ

١٩

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua beroleh kebahagian di dunia dan juga di akhirat.

Tajuk khutbah yang akan disampaikan pada hari ini ialah ***"ILTIZAM MEMERTABATKAN ISLAM"***.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sesungguhnya Islam adalah agama yang tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.

Hadis daripada 'Aiz Bin Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*الإِسْلَامُ يَعْلُو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ*

*"Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi melebihinya".*

*(Riwayat al-Baihaqi).*

Ketinggian Islam ini perlu dirasai oleh setiap Muslim dengan tidak semata-mata berdasarkan apa yang diandaikan tetapi ia perlu diperkuatkan dengan ilmu dan kajian tanpa mengenepikan amalan soleh.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Kebanyakan tanggapan buruk terhadap Islam yang diwarwarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab adalah berpunca daripada ketidakfahaman mereka dan ia juga adalah kegagalan kita untuk



menterjemahkan Islam dalam diri serta amalan-amalan yang kita lakukan. Kita menganggap apa-apa yang telah kita amalkan semenjak daripada kecil yang serasi dengan kehidupan kita merupakan Islam yang sebenarnya.

Kegagalan memahami Islam adalah berpunca daripada sikap sambil lewa dalam mendapatkan ilmu berkenaan Islam yang hakiki. Oleh itu, kita sebagai kaum Muslimin semua hendaklah bekerja dengan lebih kuat untuk mendapatkan sebanyak mungkin ilmu agama yang sentiasa tersedia dalam bentuk kelas, ceramah, kuliah agama, buku-buku, majalah dan pelbagai cara lagi.

Masyarakat bertamadun adalah masyarakat saling hormat menghormati antara satu sama lain dengan mempromosikan keamanan, keadilan dan hak untuk beragama. Islam adalah agama yang aman dan harmoni di mana kita tidak sesekali akan mengganggu fahaman dimiliki oleh mana-mana agama yang wujud dalam dunia ini.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam adalah agama yang tegas di mana kita sebagai penganutnya hendaklah tidak sesekali membuka ruang kepada orang lain untuk mempersoalkan dan mempersendakan agama ini.

Ketegasan ini telah dicatat dalam sejarah Islam yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'tasim Billah pada zaman Khalifah Bani 'Abbasiyah sebagaimana dicatatkan dalam Kitab yang berjudul 'Al-Kamil Fi At-Tarikh' karangan Ibn Athir. Baginda telah membela maruah seorang Muslimah yang berada jauh di negara yang masih belum dikuasainya. Maruah wanita Muslimah ini diaibkan dengan disingkap pakaianya oleh seorang lelaki Rom dengan tujuan untuk mendedahkan aurat serta



memalukannya. Tindakan lelaki ini menyebabkan wanita tadi menjerit dengan jeritan yang bermaksud “Wahai Mu’tasim di manakah kamu?”. Jeritan ini sampai ke pengetahuan baginda dan lantas digerakkan gerombolan bala tenteranya untuk membela maruah wanita Muslimah tersebut.

Begitulah hebatnya Khalifah Mu’tasim demi menjaga maruah insan seagama yang dilakukan untuk memastikan Islam itu tidak dipermain dan diperolok-lokkan.

**Sidang hadirin sekalian,**

Catatan sejarah yang dinukilkkan oleh Khalifah Al-Mu'tasim Billah ini memberikan beberapa pengajaran yang perlu kita amati; iaitu pertamanya, kita hendaklah memastikan kedudukan agama Islam itu sebagai agama yang paling utama mengatasi segala kedudukan yang lain. Keutamaan dalam beragama didasarkan kepada akidah dan syariat Allah dengan tidak membezakan taraf dan darjat manusia antara yang kaya dan miskin. Disebabkan keutuhan iman inilah khalifah Al-Mu'tasim mengambil keputusan untuk bertindak membela nasib si Muslimah 'seaqidah' biarpun dia bukannya rakyat di bawah tanggungjawabnya.

Kedua, umat Islam hendaklah memastikan ketinggian kualiti peribadi dalam diri setiap individu muslim dan masyarakat. Oleh itu umat Islam hendaklah mengamalkan segala ajaran Islam merangkumi keseluruhan kehidupannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَدْخُلُوا فِي الْسِّلْمِ كَافَةً وَلَا  
تَبْغُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ  
٢٨

*Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hakamnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*

Hadis daripada Abdullah Bin Amru bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبْعَا لِمَا جَنَّتْ بِهِ

*"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga hawa nafsunya menuruti apa yang aku bawa".*

*(Riwayat an-Nawawi).*

Ketiga, kita hendaklah beramal dengan apa yang kita percayai kerana dengan amalan tersebut keyakinan kita akan bertambah dan iman kita menjadi lebih kukuh. Bayangkan bagaimana kuatnya semangat seorang Muslimah di bawah pemerintahan raja yang tidak beriman dengan berani menyeru nama Khalifah Mu'tasim yang diyakini keimanan dan keadilannya. Keimanan lahir daripada iltizam dan istiqamah memacu kepada amalan yang berterusan.

Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 162:



قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ

"Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam".

Keempat, kita hendaklah sedar bahawa tali persaudaraan sesama Islam adalah amat penting yang mana kuat atau lemah sesuatu masyarakat adalah tergantung kepada kekuahan tali ini. Keutuhan silaturrahim sesama Muslim akan menjadikan masyarakat Islam itu kelihatan kuat dan sukar untuk dihina dan dipermain-mainkan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ  
رِحْكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ



"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Akhir sekali, kita hendaklah mengambil iktibar daripada kisah khalifah Muktasim ini di mana keprihatinan kita dan kasih sayang sesama muslim



adalah amat penting. Kelebihan berkasih sayang sesama Islam bukan sahaja dijamin dengan ganjaran yang besar di akhirat kelak namun ia juga akan menjadikan sesama Islam itu lebih erat dan akrab sehingga Rasulullah SAW menggambarkan eratnya seorang Muslim dengan Muslim lain adalah seperti sebatang tubuh yang satu.

Hadis daripada Nu'man Bin Bashir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Perbandingan orang-orang yang beriman tentang perasaan kasih sayang, berbelas kasihan dan bersimpati, mereka adalah seperti satu badan, sekiranya salah satu anggota daripadanya mengadu sakit, maka bersahut-sahutlah lain-lain anggota kepadanya dengan tidak dapat tidur dan demam selesema".*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَن يَتَّخِذُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي  
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ



*"Dan sesiapa Yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi".*

(Surah ali Imran : 85).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.